

Kerajaan bantu skim lupus kereta Proton, Perodua

Diskaun RM5,000 bagi pemilik tukar kenderaan tempatan

Bajet Mini

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan membantu skim pelupusan kereta Proton dan Perodua sebagai satu usaha sama dengan sektor swasta bagi menyokong pembangunan automotif negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri ketika pengumuman Bajet Mini di Bangunan Parlimen semalam, berkata di bawah skim itu, pemilik sebarang jenama kereta yang ingin melupuskan kereta mereka yang berusia 10 tahun atau lebih, akan menerima diskaun bernilai RM5,000 untuk membeli kereta baru.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan menambah peruntukan RM200 juta kepada Dana Pembangunan Automotif untuk terus menyokong pembangunan industri dan vendor automotif serta penubuhan Institut Automotif Malaysia.

Sektor automotif katanya, adalah antara industri utama negara yang mempunyai

potensi untuk terus dimajukan dan industri itu melahirkan ramai pembekal termasuk pengilang kelengkapan asal serta menyediakan banyak peluang pekerjaan.

Beliau berkata, dalam suasana ekonomi semasa, prestasi jualan industri automotif tidak menggalakkan dan banyak syarikat yang terbabit dengan rantai industri automotif dalam keadaan sukar.

"Syarikat ini perlu disokong bagi membolehkan mereka meneruskan operasi walaupun permintaan yang rendah dan kos pengeluaran yang semakin meningkat," katanya.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pakej berkenaan akan banyak membantu pihak perusahaan kecil dan sederhana (PKS), industri automotif tempatan dan peniaga kecil yang terbabit dalam sektor perkhidmatan.

Namun katanya, apa yang penting ialah tumpuan harus diberikan terhadap usaha melaksanakan program yang dirangka supaya tidak lewat dan kerehah birokrasi pula perlu dihapuskan supaya peruntukan dapat dibelanjakan

lam dua tahun.

"Pakej rangsangan kedua ini lebih menjurus membantu pihak industri terutama PKS yang paling teruk terjejas akibat krisis ekonomi global," katanya.

Sementara itu katanya, jualan kenderaan buatan tempatan khususnya Proton dan Perodua dijangka melonjak selepas pakej itu menyediakan skim pelupusan kereta dua syarikat berkenaan.

"Saya menjangkakan lebih 100,000 kenderaan baru Proton dan Perodua boleh dijual selepas skim ini diperkenalkan," katanya.

INFO

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

(Tambahan Pertama 2009)

Membantu sektor swasta menghadapi krisis:

- Program bantuan PKS
- Mikro kredit
- Pembangunan aktiviti pelancongan

RM1.4 bilion

Membina keupayaan masa hadapan:

- Merangsang aktiviti pembinaan dan penyelenggaraan
- Penstrukturan semula industri serta menggiatkan aktiviti nilai tambah

RM1.64 bilion

Meringankan beban rakyat terutama golongan mudah terjejas:

- Pemberian subsidi
- Perumahan
- Program kebajikan

RM360 juta

Mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan termasuk latihan kemahiran

RM1.6 bilion